

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menaik taraf capaian kelajuan internet di Pasir Mas khususnya kawasan berhampiran sempadan antarabangsa Thailand-Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat dapat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Sehingga kini, terdapat dua (2) menara komunikasi telah beroperasi di kawasan Parlimen Pasir Mas. Namun begitu, bagi menambahbaik liputan sedia ada, sebuah (1) menara komunikasi baharu sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap secara berperingkat bermula pada suku pertama tahun 2021.

NO SOALAN : 29

Selain itu, terdapat enam (6) pemancar komunikasi yang telah pun dinaiktaraf ke perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G di Parlimen Pasir Mas. Manakala, di bawah inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebanyak tiga (3) pemancar sedia ada telah dirancang untuk dinaiktaraf kepada liputan 4G dan dijangka siap secara berperingkat bermula pada suku pertama tahun 2021.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.